

PENGUMUMAN***FASA KETIGA AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024
BERKUATKUASA 31 JANUARI 2025***

Fasa Ketiga Akta Syarikat (Pindaan) 2024 [Akta A1701] berkaitan Seksyen 14 Akta A1701 (Seksyen 395 Akta Syarikat 2016) dan Perintah Syarikat (Pindaan Jadual Kelapan) 2025 telah berkuatkuasa pada 31 Januari 2025.

Fasa Pertama Akta ini telah dikuatkuasakan pada 1 April 2024 manakala Fasa Kedua telah dikuatkuasakan pada 30 November 2024.

Dengan berkuatkuasanya Fasa Ketiga Akta 1701 dan Perintah Syarikat (Pindaan Jadual Kelapan) 2025 tersebut, semua peruntukan di bawah Akta A1701 dan perundangan subsidiari yang berkaitan telah berkuatkuasa secara keseluruhan.

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
31 Januari 2025